

23 JUL 2004

Pengembara-Iraq

PENGEMBARA IRAQ JELAJAH DUNIA HEBAH PENDERITAAN RAKYAT SENEGARA

Oleh: Rosyatimah Tukimin

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Pelbagai sekatan yang dikenakan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terhadap Iraq berikutan pemerintahan Saddam Hussein yang dianggap zalim sejak 1990, telah membawa penderitaan yang amat dahsyat kepada rakyat negara itu, kata seorang pengembara Iraq yang singgah di sini dalam perjalanan menjelajah dunia untuk menghebahkan nasib buruk yang menimpa rakyat negaranya.

Dalam temubual dengan Bernama hari ini, Abdul Sattar Jabbar Al Bahadli, pemegang ijazah Sains Politik dari Baghdad University berkata beliau meninggalkan Iraq pada 1992 untuk menyebarkan kisah itu kepada masyarakat antarabangsa.

Katanya dasar serta pemerintahan secara diktator oleh Saddam Hussein dan Parti Baath pimpinannya telah membawa keperitan hidup kepada rakyat Iraq selama lebih 12 tahun.

"Semasa pentadbiran Saddam, penyakit yang boleh membawa maut merebak, kebanyakan keluarga dicengkam kemiskinan dan peluang pekerjaan begitu terhad, termasuk bagi lulusan universiti seperti saya," keluh Abdul Sattar.

Sambil menegaskan bahawa misinya untuk menjelajah dunia tidak dibiayai atau didorong mana-mana badan politik, pengembara berusia 35 tahun ini berkata apa yang dilakukannya semata-mata didorong oleh perasaan yang tulus ikhlas untuk membela nasib rakyat Iraq dan masa depan negaranya.

"Tujuan utama saya ialah untuk menjelaskan tentang isu serta masalah yang dihadapi oleh rakyat Iraq jauh lebih awal sebelum perang yang tercetus baru-baru ini kerana saya sudah tidak tahan lagi melihat penderitaan rakyat senegara dengan saya. Para pemimpin negara yang saya lawati, terutama negara Arab, menyokong tindakan saya ini dan membiayai penginapan serta perjalanan saya di negara mereka.

"Malah, semasa menjelajah Perancis, kerajaan negara itu menaja penginapan dan perjalanan saya," kata Abdul Sattar yang sehingga kini telah menjelajah 35 negara.

Pengembara itu berkata semasa di Maghribi, ibu bapa serta enam saudaranya ditangkap oleh tentera Saddam.

"Saya dimaklumkan seorang saudara lelaki saya ditembak mati secara kejam oleh orang Saddam, seorang saudara wanita saya mati kerana kanser tetapi Alhamdulillah, nasib anggota keluarga saya yang lain, kini beransur baik," katanya.

Abdul Sattar berkata dengan tertangkapnya Saddam, misi pengembaraannya kini turut meliputi usaha menyampaikan penghargaan rakyat Iraq kepada semua pihak, termasuk kerajaan dan rakyat Malaysia, yang tidak pernah jemu menghulurkan bantuan kepada mereka dalam pelbagai rupa.

"Rakyat Iraq agak gembira sekarang, senyuman kembali menghiasi wajah mereka dan segala bantuan yang diterima dari luar amat menyentuh perasaan mereka. Di sini, saya sekali lagi ingin menyampaikan ucapan terima kasih daripada mereka atas segala bantuan yang telah anda hulurkan.

"Saya juga mengucapkan terima kasih kepada (Tun) Dr Mahathir (Mohamad) (bekas perdana menteri) anda kerana pendiriannya yang tegas telah memberi semangat baru kepada kehidupan kebanyakan rakyat Iraq," katanya.

Abdul Sattar, yang tiba di sini pada 12 Julai, berkata beliau berharap dapat menemui Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar untuk menjelaskan mesejnya kepada mereka secara peribadi.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada kedutaan Kuwait di sini yang menaja keperluannya sepanjang berada di Malaysia.

Abdul Sattar yang bercadang berada di negara ini selama sebulan, berkata Malaysia memang terkenal di kalangan negara Islam dan rakyat negaranya amat menghormati rakyat negara ini.

Selepas Malaysia beliau bercadang meneruskan perjalanan ke Jepun dan China sebelum kembali ke Iraq empat atau lima bulan kemudian untuk memberi sumbangan ke arah membangunkan semula negaranya.

Beliau juga berharap kerajaan Malaysia akan membuka semula pejabat kedutaannya di Baghdad dengan secepat mungkin bagi membolehkan ramai

ahli
perniagaan Iraq berkujung ke negara ini, sama ada untuk mencari
pelaburan
atau mempelajari dengan lebih mendalam kisah kejayaan Malaysia.

-- BERNAMA

RT MFJ SP RON